

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

27. Kutipan cukai di Pulau Pinang.

- (a) Berapakah jumlah keseluruhan kutipan cukai di Pulau Pinang pada tahun 2019?
- (b) Perincikan perbelanjaan hasil daripada kutipan cukai ini.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. (a) Jumlah keseluruhan kutipan hasil cukai di Pulau Pinang pada tahun 2019 ialah RM135,499,373.86 yang terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai tanah adalah merupakan penyumbang utama kepada hasil cukai negeri iaitu sebanyak 87.52%, RM118,595,758.23. Kutipan daripada hasil cukai akan disatukan dengan kutipan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.
- (b) Daripada jumlah hasil ini, Kerajaan Negeri memberi keutamaan untuk memastikan hasil yang dikutip dibelanjakan kembali untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang. Perincian perbelanjaan utama yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah merangkumi perbelanjaan seperti berikut iaitu:
- (i) Perbelanjaan untuk projek-projek pembangunan yang berjaya meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Negeri Pulau Pinang adalah berjumlah RM233,233,076.41;

- (ii) Pembiayaan bantuan kebajikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang melalui Program i-Sejahtera dan program-program bantuan sosial yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat yang berjumlah RM87,020,623.59; dan
- (iii) Perbelanjaan mengurus untuk jabatan-jabatan kerajaan negeri selaku jentera kerajaan (*government machinery*) untuk memberikan perkhidmatan yang efisien dan efektif kepada rakyat Negeri Pulau Pinang adalah berjumlah RM459,289,623.11.